

# Kandang dalam bandar

**MACAM-MACAM** perangai segelintir warga kota Kuala Lumpur. Ada yang melakukan perbuatan tidak sesuai dengan tatacara kehidupan di bandar raya. Antara yang terbaharu dikesan ialah membela haiwan ternakan seperti ayam, itik dan kambing di sebuah kawasan taman perumahan di Jalan Ipoh.

Haiwan tersebut ditenak di dalam kandang yang dibina secara haram di atas rezab jalan awam milik kerajaan. Memang tepat sekali kandang ini dirobohkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam operasi bersepadu baru-baru ini.

Operasi turut melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pengurusan Air Selangor, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam serta Alam Flora.

Kandang tersebut bukan sahaja mencero boh harta kerajaan tetapi pembinaan struktur tambahan telah menutup longkang awam, jalan dan laluan awam. Memang layak ia dirobohkan.

Memelihara haiwan sepatutnya di kawasan khas seperti ladang. Di kawasan kampung pun kerap kita lihat ramai penduduk menternak ayam dan itik dengan membina kandang di kawasan rumah atau kebun. Ini senario biasa di desa.

Namun di bandar, ia tidak sesuai dan tidak dibenarkan. Bandar raya Kuala Lumpur pada asasnya ialah pusat pentadbiran, kediaman dan industri. Oleh itu untuk mewujudkan kawasan ternak secara haram memang wajar dibanteras.